

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN**  
**BIL. 4/1992**

---

**PROSEDUR MERIZAB TANAH TAPAK MASJID DI BAWAH**  
**SEKSYEN 62 KANUN TANAH NEGARA 1965**

Arahan ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan mengenai prosedur Merizab Tanah Tapak Masjid di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965. Mengikut amalan setengah-tengah Pejabat Tanah prosedur merizab Tanah Tapak Masjid ialah dengan menyediakan P.U. (R.S.) dahulu sebelum mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Amalan ini ialah berdasar kepada Arahan P.T.G. Bil. 1/1989 Lampiran I para 2.3.3.

2. Mesyuarat Pentadbir Tanah Jajahan yang diadakan pada 26 April 1992 di Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli telah mencapai kata sepakat supaya prosedur merizab Tanah Tapak Masjid di bawah Seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mendapat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri dahulu sebelum P.U. (R.S.) disediakan. Ini adalah bersesuaian dengan prosedur yang dilampirkan dalam Buku Panduan Pentadbiran Tanah muka surat 64 dan 65 yang disediakan oleh Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan.

3. Prosedur merizab Tanah Tapak Masjid di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah dilaksanakan seperti berikut :-

- 3.1. Pentadbir Tanah Jajahan mengemukakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mendapat pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- 3.2. Setelah dilulus oleh Pihak Berkuasa Negei Pentadbir Tanah Jajahan seterusnya menyampaikan P.U.(R.S.) kepada Pengarah Ukur Negeri.
- 3.3. Apabila kerja ukur mengukur oleh Jabatan Ukur selesai Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah menyediakan deraf pemberitahu untuk diwartakan. (Seksyen 62(2) (a) Kanun Tanah Negara (1965) ).

4. Para 2.3.3 Lampiran I kepada Arahan P.T.G. Bil. 1/1989 adalah dengan ini dipadamkan (deleted).

**t.t**  
**( Hj. Ashaari Azmi bin Hj. Abdullah)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**KEPADA :**

Y.A.Brs. Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
**Kelantan**

**SALINAN KEPADA :**

1. Y.A.B. Tuan Guru Menteri Besar, Kelantan
2. Y.B. Timbalan Menteri Besar, Kelantan
3. Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan. Kelantan
4. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan
5. Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. Y.Brs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU**

**BERTARIKH :        30 APRIL 1992**

**FAIL : P.T.G.KN. 19/2/1 (40)**